

Bukan saya melakukannya - Nik Sapeia

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB
dan HERMAN HAMID

KOTA BHARU 2 Ogos - "Bukan saya yang melakukannya," tegas Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, ahli perniagaan yang dibebaskan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam setelah ditahan reman sejak Sabtu lalu berhubung insiden penyemburan bahan pemedih mata terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Jumaat lalu.

Tegasnya, adalah mustahil untuk beliau melakukan tindakan seperti itu kepada Dr. Mahathir kerana beliau (Dr. Mahathir) adalah seorang pemimpin dan negarawan yang sangat dihormati, malah dianggap olehnya sebagai bapa.

"Tidak mungkin. Mustahil. Saya sudah anggap Tun sebagai bapa saya. Hubungan saya dengannya bukan baru, lebih 20 tahun, dah macam bapa.

"Tak perlu saya gambarkan lagi, satu Kelantan dan satu negara barangkali, mengetahui macam mana hubungan saya dengan Tun," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian kepada *Utusan Malaysia* semasa ditemui di Hospital Pakar Perdana di sini, petang ini.

Nik Sapeia yang kelihatan tenang dirawat di hospital itu kerana masih belum pulih sepenuhnya daripada masalah kesihatan selepas dimasukkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II pada awal pagi Ahad lalu.

Turut bersamanya ialah peguam Zainal Abidin Mustafa dan Mohamed Asyraf Mustapha.

Beliau dibebaskan pada pukul 1.15 tengah hari semalam oleh Majistret Nazri Ismail setelah tempoh tempoh tahanan remannya berakhir pukul 12 tengah hari.

Selepas dibebaskan, beliau membuat laporan polis terhadap Datuk Ibrahim Ali berhubung satu laporan polis yang dibuat oleh bekas ahli Parlimen itu Jumaat lalu.

Ditanya sama ada beliau mempunyai masalah peribadi dengan Ibrahim, Nik Sapeia berkata, perkara itu tidak berbangkit.

Mengimbas kembali kejadian semasa sambutan ketibaan Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Jumaat lalu, Nik Sapeia berkata: "Saya berada di situ kerana turut terlibat dalam penganjuran dan diama-

Memang, tidak boleh hendak digambarkan. Dari segi maruah, seorang bergelar Datuk, seorang ahli perniagaan, seorang ahli politik memang tidak ada lagi

**NIK SAPEIA
NIK YUSOF
Ahli perniagaan**

nahkan oleh Tan Sri Abdullah Ahmad untuk menyambut ketibaan Tun," katanya.

Menjawab satu soalan lain, beliau menjelaskan tidak mengetahui apa-apa ketika insiden itu tercetus.

"Saya sudah berada dalam, kereta sedangkan Dr. Mahathir telah berada dalam sebuah kenderaan pacuan empat roda milik Datuk Ibrahim di tempat itu.

"Saya tidak nampak apa pun kerana ketika itu keadaan sangat kelam kabut," katanya.

Sementara itu, ditanya adakah beliau ada berhubung dengan Tun selepas itu, Nik Sapeia berkata: "Belum lagi, sebab saya masih menerima rawatan di hospital."

Ketika diminta menggambarkan keadaan apabila ditahan polis ekoran insiden tersebut, Nik Sapeia berkata, tiada ayat yang boleh menggambarkan keadaan itu.


"Memang, tidak boleh hendak digambarkan. Dari segi maruah, seorang bergelar Datuk, seorang ahli perniagaan, seorang ahli politik memang tidak ada lagi.

"Saya hanya perlu bersabar menunggu jawapan," tambahnya.

Ditanya sama ada beliau bersedia sekiranya dipanggil lagi oleh pihak polis, Nik Sapeia berkata, beliau tidak ada masalah untuk memberi kerjasama sebagai saksi jika pihak polis membuat tangkapan lain tetapi bukan untuk siasatan lanjut.

Dalam pada itu, beliau melahirkan harapan yang tinggi agar pihak polis dapat menyiasat laporan polis yang dibuatnya semalam.

"Harap dapat diberi perhatian serius sama seperti mana laporan yang dibuat oleh orang sebelum ini terhadap saya," tambahnya.



NIK SAPEIA NIK YUSOF